

21/10/2002

Tidak kecewa MCA tentang bahasa Inggeris: Aziz

Wan Jailani Razak; Magendran Rajagopal; Mohd Anwar Patho Rohman LANGKAWI, Ahad - Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin berkata beliau tidak kecewa dengan keputusan MCA menentang cadangan kerajaan menggunakan bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

"Kita belum sampai peringkat kecewa kerana kita masih menyangka mereka (MCA) masih ada ruang untuk berfikir demi masa depan (anak kita).

"Kalau kita kecewa, erti kita tidak memikirkan masa depan anak kita lagi. Sebab itu, saya masih yakin ada ruang untuk diperbincangkan," katanya selepas menutup Seminar Tadbir Urus Koperasi anjuran Koperasi Usaha Bersama dan Gabungan Koperasi Guru Nasional di sini hari ini. Seminar dua hari itu dihadiri 60 ahli koperasi dari seluruh negara.

Abdul Aziz berkata, apa juga pandangan MCA tidak ditentang kerana negara ini mengamalkan demokrasi tetapi beliau tetap berpegang dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad demi masa depan generasi muda.

"Mungkin kita akan jalankan di sekolah kebangsaan kerana sekolah Cina ada lembaga mereka. Kita tidak akan campur tangan dengan urusan lembaga sekolah tertentu tetapi mungkin kalau kita ikut nasihat Perdana Menteri, Sains dan Matematik akan terus diadakan di sekolah kebangsaan di darjah satu, tingkatan satu dan tingkatan enam rendah.

"Saya berpegang teguh dengan pandangan Perdana Menteri yang mengatakan usaha kita hendak menjalankan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bertujuan menjamin masa depan anak kita dalam dunia yang penuh cabaran ini," katanya.

Beliau berkata, maksud Dr Mahathir ialah generasi muda mesti disediakan dengan ilmu iaitu menguasai bahasa Inggeris jika mahukan pencapaian mereka setanding warga negara dunia lain.

Katanya, paling baik bagi Perdana Menteri untuk menentukan ia dijalankan ialah kerana Sains dan Matematik ada kaitan dengan kehidupan dalam era digital.

"Timbul masalah mengatakan kenapa tidak ditambah saja masa untuk mengajar bahasa Inggeris dengan meninggalkan dulu Sains dan Matematik dalam bahasa masing-masing.

"Kita sudah melihat 44 tahun kita mengajar bahasa Inggeris di sekolah Kebangsaan, Tamil dan Cina tetapi kesannya tidak begitu kerana kebanyakan guru bukan mengajar bahasa Inggeris tetapi mereka mengajar terjemahan," katanya.

Abdul Aziz berkata, jika semua ikhlas dan tidak ada agenda politik, tidak tamak atau mempunyai unsur lain, mereka seharusnya akur dengan pepatah 'hendak melentur buluh mesti daripada rebung'.

Mengambil contoh mempelajari bahasa asing, katanya, ia seharusnya dilakukan mulai zaman kanak-kanak, bukan selepas berusia lebih 30 tahun berikutan penerimaan pelajaran yang kurang baik.

Katanya, apa yang penting ialah kesinambungan yang akan menekankan penggunaan bahasa itu berterusan dan tidak lagi menjadi terjemahan seperti yang berlaku hari ini.

Beliau berharap dengan penguasaan bahasa Inggeris, pelajar yang cemerlang dalam Sains dan Matematik akan menjadi saintis terkemuka dan mudah untuk mengikuti apa juga modul sains dan teknologi termoden.

"Lebih-lebih lagi hari ini kita menghadapi dunia digital yang tidak terlepas daripada teknologi maklumat dan komputer. Ini semua dijalankan

dalam bahasa Inggeris.

"Kita bolehlah hendak buat terjemahan tetapi guru sastera tidak boleh terjemah sains manakala guru Sains biasanya tidak boleh menterjemah Matematik sebaiknya," katanya sambil menambah cara paling praktikal perlu dicari untuk mengajar mata pelajaran itu.

Beliau seterusnya mencadangkan kepada guru, guru besar dan pengetua supaya menyusun mata pelajaran iaitu mengadakan kelas mata pelajaran Sains, diikuti Matematik dan bahasa Inggeris.

Dengan cara itu, katanya, kesinambungan daripada bahasa Inggeris kepada Matematik, Matematik kepada Sains dapat dilaksanakan dengan baik.